



Meneroka Kesan Keciciran Pendidikan Terhadap Komuniti di Sarawak: Perspektif Ekologi dan Modal Sosial

SITI HUZAIMAH SAHARI^{1, a}, HEMYZA BUDIN^{2, b} and AIZA JOHARI^{3, c}

¹ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

² Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

³Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^ahuzaimahs@uitm.edu.my , ^bhemyzabr@uitm.edu.my

& ^caiza@uitm.edu.my

Abstrak

Pendidikan dan persekolahan merupakan asas terpenting dalam membina masa depan individu dan kemajuan sesebuah masyarakat. Namun begitu, fenomena keciciran pendidikan terus berlaku, terutamanya dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah dan persekitaran sosial yang mencabar. Kertas kerja konsep ini membincangkan hubungan antara keciciran pendidikan dengan kemiskinan, jenayah, dan pembangunan insan. Selain daripada itu, pegangan agama juga berperanan sebagai pemangkin dalam memperkukuh motivasi menuntut ilmu, membentuk sahsiah mulia, serta menghindarkan diri daripada gejala negatif. Kajian ini berdasarkan gabungan teori ekologi dan pendekatan nilai dalam pendidikan, serta mengetengahkan bahawa sistem persekolahan yang mantap dan berteraskan nilai agama mampu mengurangkan keciciran dan membina insan seimbang dari segi intelek, emosi, sosial dan spiritual. Kegagalan dalam memperoleh pendidikan formal bukan sahaja menjejaskan masa depan pelajar, malah boleh mendorong kepada penglibatan dalam jenayah dan pengabaian pembangunan potensi diri. Oleh itu, pendidikan yang disepadukan dengan nilai agama dan sokongan komuniti perlu dijadikan strategi utama dalam dasar dan intervensi pendidikan negara. Kertas ini menyeru kepada pendekatan holistik yang memartabatkan persekolahan dan pegangan agama sebagai teras pembangunan insan dan kemajuan negara.

Keywords: Keciciran, pendidikan, kemiskinan

1. Pengenalan

Keciciran pendidikan merupakan isu kritikal yang memberi kesan besar terhadap pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negeri. Pendidikan berperanan sebagai asas utama dalam pembentukan modal insan yang berdaya saing serta pemangkin kepada kemajuan negara. Namun, terdapat golongan yang tidak dapat meneruskan pendidikan atas pelbagai faktor seperti kemiskinan, akses terhad kepada kemudahan pendidikan, kurangnya kesedaran mengenai kepentingan pendidikan, serta masalah sosial yang menghalang mereka daripada mendapatkan pendidikan yang sempurna. Di Sarawak, kadar keciciran pelajar masih menjadi cabaran, terutama dalam kalangan masyarakat luar bandar dan berpendapatan rendah. Menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kadar keciciran murid peringkat rendah di Sarawak menurun daripada 0.34% pada 2016 kepada 0.25% pada 2020. Namun, kadar keciciran peringkat sekolah menengah meningkat daripada 2.23% pada 2016 kepada 3.38% pada 2020 (Utusan Borneo Online, 28 Oktober 2021). Peningkatan ini menunjukkan bahawa masalah keciciran masih membimbangkan, khususnya di peringkat menengah. Faktor kemiskinan dikenal pasti sebagai salah satu punca utama keciciran pelajar di Sarawak. Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Lim Hui Ying, menyatakan bahawa terdapat pelajar yang tidak hadir ke sekolah kerana terpaksa bekerja untuk menanggung ekonomi dan kos sara hidup keluarga mereka (Rohaniza Idris, 12 Jun, 2023). Keadaan geografi yang mencabar dan infrastruktur pendidikan yang kurang memuaskan turut menyumbang kepada masalah ini, terutama di kawasan pedalaman. Keciciran pendidikan memberi implikasi serius terhadap masyarakat. Individu yang tercicir cenderung terlibat dalam kegiatan tidak produktif seperti jenayah dan pengangguran, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan dalam komuniti. Selain itu, kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi akibat keciciran pendidikan boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri.

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas impak keciciran pendidikan terhadap jenayah, kemiskinan, dan ekonomi di Sarawak, berdasarkan teori ekologi Bronfenbrenner. Dengan memahami hubungan antara keciciran pendidikan dan isu sosial, penyelidikan ini dapat membantu dalam merangka dasar yang lebih efektif bagi mengurangkan kadar keciciran pendidikan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberikan cadangan kepada pihak berkepentingan seperti kerajaan, institusi pendidikan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha membendung masalah keciciran pendidikan dan kesan negatifnya terhadap pembangunan negeri Sarawak.



2. Tinjauan Literatur

Perkembangan manusia merupakan satu proses dinamik yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam persekitaran individu. Urie Bronfenbrenner, seorang ahli psikologi perkembangan, telah memperkenalkan Teori Ekologi Perkembangan Manusia yang menekankan bahawa perkembangan individu dibentuk melalui interaksi antara pelbagai sistem sosial dan persekitaran yang kompleks (Bronfenbrenner, 1979). Teori ini telah menjadi asas penting dalam bidang psikologi, pendidikan, dan kajian keluarga kerana pendekatannya yang menyeluruh dan berlapis-lapis. Dalam konteks Malaysia, pendekatan ini amat relevan untuk merangka dasar pendidikan dan sosial yang lebih inklusif, terutamanya dalam menyokong pembangunan generasi muda. Keciciran pendidikan merupakan fenomena kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor merangkumi aspek individu, keluarga, komuniti, serta institusi. Teori Ekologi Bronfenbrenner menyediakan satu kerangka menyeluruh untuk memahami pelbagai lapisan interaksi yang mempengaruhi keputusan seseorang individu untuk kekal atau berhenti daripada sistem pendidikan. Menurut teori ini, individu berkembang melalui interaksi dinamik dalam lingkungan sosialnya yang terdiri daripada beberapa lapisan: mikrosistem, mesosistem, eksosistem, dan makrosistem.

2.1. Mikrosistem

Mikrosistem merangkumi persekitaran terdekat individu seperti keluarga, rakan sebaya, dan sekolah. Kajian oleh Darling (2007) menunjukkan bahawa interaksi yang berkualiti dalam mikrosistem – terutamanya hubungan antara ibu bapa dan anak – memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran sosial, emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Di peringkat sekolah, guru sebagai figura penting dalam mikrosistem juga mempengaruhi pembentukan harga diri dan motivasi pelajar (Hamre & Pianta, 2001). Dalam Islam, keluarga diamanahkan dengan tanggungjawab pendidikan sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas yang dipimpinnya” (Riwayat Bukhari, no. 893). Kajian Siti Soraya et al. (2022) turut menyokong bahawa penglibatan aktif ibu bapa secara langsung di rumah memainkan peranan kritikal dalam meningkatkan motivasi serta prestasi akademik pelajar. Di Sarawak, kemiskinan menyebabkan ramai pelajar terpaksa bekerja sejak usia muda untuk membantu keluarga, sekali gus mempengaruhi keputusan untuk meninggalkan persekolahan lebih awal (Lim Hui Ying, 2023).

2.2. Mesosistem

Mesosistem pula merujuk kepada hubungan antara dua atau lebih mikrosistem. Contohnya, interaksi antara ibu bapa dan guru boleh memberi kesan besar terhadap perkembangan akademik pelajar. Epstein (2001) menekankan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak sebagai sebahagian daripada kerjasama strategik antara rumah dan sekolah, yang menyumbang kepada pencapaian pelajar yang lebih baik. Islam menekankan pentingnya kerjasama antara institusi pendidikan, keluarga, dan masyarakat melalui prinsip saling membantu dalam perkara kebajikan seperti firman Allah dalam Al-Quran, “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran” (Al-Maidah, 5:2). Kajian Carlo et al. (2024) mendapati hubungan erat antara keluarga dan institusi pendidikan serta pemimpin komuniti penting dalam menangani keciciran, khususnya di kawasan pedalaman Sarawak yang berhadapan cabaran akses dan infrastruktur pendidikan. Kesedaran tinggi dalam kalangan ibu bapa dan komuniti tentang kepentingan pendidikan dikenal pasti sebagai faktor penting untuk mengurangkan keciciran (Datu Dr. Azhar Ahmad, 2024).

2.3. Eksosistem

Eksosistem melibatkan struktur sosial yang memberi kesan tidak langsung kepada individu, seperti pekerjaan ibu bapa, media, atau dasar kerajaan. Menurut Belsky (1984), tekanan kerja yang dialami ibu bapa boleh mengurangkan masa dan kualiti interaksi dengan anak-anak, sekali gus menjejaskan kesejahteraan emosi mereka. Dalam konteks dasar sosial pula, sokongan kerajaan dalam bentuk subsidi pendidikan atau bantuan kewangan turut memberi impak kepada peluang pendidikan anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah (Department of Statistics Malaysia, 2022). Di Sarawak, cabaran geografikal dan infrastruktur pendidikan yang terhad di kawasan pedalaman sering menjadi penghalang utama pendidikan berterusan. Menurut kajian oleh Carlo et al. (2024), peningkatan kemudahan asas dan akses logistik diperlukan bagi menangani masalah keciciran secara efektif di kawasan ini. Intervensi kerajaan yang bersasar dan peningkatan infrastruktur pendidikan boleh membantu mengurangkan keciciran secara efektif.

2.4. Makrosistem

Makrosistem merangkumi nilai budaya, sistem kepercayaan, dan norma masyarakat yang lebih luas. Dalam masyarakat yang menghargai pendidikan, ibu bapa lebih cenderung melaburkan masa dan sumber bagi memastikan kejayaan anak-anak. Menurut Tudge et al. (2009), makrosistem mempunyai pengaruh besar terhadap peranan gender, jangkaan sosial dan amalan keibubapaan dalam sesebuah budaya.



Makrosistem mencakupi elemen-elemen yang luas seperti nilai sosial, ekonomi, budaya dan norma masyarakat yang secara langsung membentuk pandangan dan amalan individu terhadap pendidikan. Dalam konteks masyarakat Islam, pendidikan bukan sahaja dilihat sebagai alat untuk mencapai mobiliti sosial, tetapi juga sebagai satu **tanggungjawab agama**. Islam menekankan kepentingan ilmu sebagai asas kepada pembinaan kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mujadalah ayat 11 menyatakan bahawa *“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat”*, yang menunjukkan betapa tinggi kedudukan ilmu dalam Islam.

Atas dasar ini, masyarakat Islam secara umumnya didorong untuk memberi keutamaan kepada proses pendidikan dalam semua peringkat kehidupan. Nilai-nilai seperti amanah, adil, ihsan dan hormat-menghormati yang terkandung dalam ajaran Islam turut memberi kesan kepada pendekatan pendidikan yang holistik dan beretika. Integrasi nilai-nilai moral dan agama dalam dasar pendidikan juga telah terbukti dapat memperkukuh keterlibatan pelajar serta meningkatkan kadar pengekalan dalam institusi pendidikan. Kajian antarabangsa mendapati bahawa apabila sistem pendidikan mengambil kira dimensi kerohanian dan nilai budaya masyarakat, pelajar lebih cenderung untuk berasa terhubung dengan pembelajaran mereka, sekali gus mengurangkan kadar keciciran (Azizi et al., 2023; Frontiers in Education, 2023).

2.5. Kronosistem

Kronosistem pula merujuk kepada pengaruh dimensi masa, seperti perubahan sejarah, krisis keluarga atau peristiwa penting dalam kehidupan individu. Pandemik COVID-19 menjadi contoh utama bagaimana kronosistem memberi kesan mendalam terhadap gaya pembelajaran pelajar dan struktur keluarga. Kajian oleh Spinelli et al. (2020) mendapati bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada tekanan akibat pandemik menunjukkan peningkatan dalam simptom stres dan keresahan. Kronosistem merujuk kepada dimensi masa dalam model ekologi Bronfenbrenner yang menekankan bahawa perubahan peristiwa dan pengalaman penting dalam jangka masa panjang memberi kesan terhadap perkembangan individu. Ini termasuk perubahan sejarah, transisi kehidupan seperti penceraian, kehilangan pekerjaan, migrasi, dan krisis berskala besar seperti pandemik. Peristiwa-peristiwa ini tidak hanya memberi kesan segera, tetapi juga mempengaruhi struktur psikososial dan pembentukan jati diri individu dalam jangka masa panjang (Bronfenbrenner & Morris, 2006). Contoh paling relevan ialah pandemik COVID-19, yang mengubah secara menyeluruh cara manusia berinteraksi, bekerja, dan belajar. Sistem pendidikan telah beralih secara drastik ke arah pembelajaran dalam talian, manakala rutin keluarga mengalami gangguan besar. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada perubahan mendadak ini mengalami tekanan emosi, kekeliruan rutin harian, serta kehilangan sokongan sosial, yang menjadi punca peningkatan simptom stres dan keresahan (Spinelli et al., 2020). Selain itu, kesenjangan digital antara pelajar bandar dan luar bandar menyerlahkan lagi ketidaksamaan akses kepada pendidikan yang telah lama wujud dalam struktur sosial (Cluver et al., 2020).

2.6. Pandangan Islam terhadap Ujian Masa dan Ketahanan Diri

Dalam Islam, perubahan-perubahan besar dalam hidup — termasuk ujian, kesusahan dan krisis — dilihat sebagai sunatullah iaitu ketetapan Allah SWT dalam perjalanan kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 155:

“Dan sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.” (Al-Baqarah, 2:155)

Ayat ini memperlihatkan bahawa perubahan yang berlaku dalam kronosistem — seperti pandemik dan bencana — bukan sahaja satu ujian, tetapi juga peluang untuk membina ketahanan diri (resilience), sabar, dan kebergantungan kepada Allah SWT. Dari sudut perkembangan manusia, pendekatan Islam mendorong individu untuk melihat setiap cabaran sebagai peluang untuk memperkukuh hubungan spiritual, memperbaiki diri, dan menilai semula nilai hidup. Konsep “taqwa” dan “tawakkal” dalam Islam menggalakkan umatnya untuk bersikap tenang, berstrategi dalam menghadapi perubahan, dan yakin bahawa setiap ujian mengandungi hikmah tersendiri. Pendidikan Islam juga menekankan pentingnya mendidik anak-anak dengan kefahaman bahawa kehidupan penuh dengan transisi dan cabaran dan mereka perlu bersedia bukan sahaja dari sudut akademik, tetapi juga rohani dan emosi. Oleh itu, dalam menangani kesan kronosistem terhadap pelajar seperti tekanan akibat pandemik; pendekatan intervensi yang holistik perlu merangkumi dimensi spiritual, bukan sekadar psikologi dan sosial. Kajian tempatan turut menunjukkan bahawa pelajar yang diberikan sokongan berbentuk nilai agama dan spiritual menunjukkan tahap ketahanan emosi yang lebih tinggi dalam menghadapi cabaran besar seperti COVID-19 (Ismail et al., 2022).



2.7. Implikasi Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Pemahaman terhadap teori ini membolehkan pendidik dan pembuat dasar merancang strategi pembangunan insan yang lebih bersifat menyeluruh. Sebagai contoh, penyediaan sistem sokongan sosial seperti program bimbingan ibu bapa, kerjasama sekolah-komuniti, serta penambahbaikan dasar pendidikan dapat membantu mencipta ekosistem yang lebih kondusif kepada perkembangan kanak-kanak dan remaja (UNICEF Malaysia, 2021). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025) turut menekankan kepentingan penglibatan pelbagai pihak dalam membentuk pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Keciciran pendidikan merupakan isu yang memberi kesan mendalam terhadap pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negeri. Di Sarawak, walaupun terdapat penurunan dalam kadar keciciran murid peringkat rendah daripada 0.34% pada 2016 kepada 0.25% pada 2020, kadar keciciran di peringkat sekolah menengah menunjukkan peningkatan daripada 2.23% pada 2016 kepada 3.38% pada 2020 (Utusan Borneo Online, 28 Oktober 2021). Peningkatan ini menimbulkan kebimbangan kerana keciciran pendidikan sering dikaitkan dengan peningkatan kadar jenayah, kitaran kemiskinan yang berterusan, dan pertumbuhan ekonomi yang terhad. Ini boleh dikaitkan dengan teori Bronfenbrenner, Mikrosistem.

Faktor kemiskinan dikenal pasti sebagai salah satu punca utama keciciran pelajar di Sarawak. Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Lim Hui Ying, menyatakan bahawa kerana tekanan ekonomi dan kos sara hidup keluarga mengakibatkan ada pelajar-pelajar yang tidak hadir ke sekolah kerana terpaksa bekerja. (Rohaniza Idris, 12 Jun, 2023). Selain itu, kurangnya kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat turut menyumbang kepada masalah ini. Pengarah Pendidikan Sarawak, Datu Dr. Azhar Ahmad, menekankan bahawa semua pihak, terutamanya ibu bapa dan ketua masyarakat, perlu mempunyai kesedaran tinggi mengenai peranan pendidikan dalam membentuk masa depan generasi muda (TVS, 12 November, 2024).

Walaupun isu keciciran pendidikan di Sarawak semakin mendapat perhatian, kajian empirikal yang khusus mengkaji hubungan antara keciciran pendidikan dengan peningkatan kadar jenayah, kemiskinan, dan pertumbuhan ekonomi di negeri ini masih terhad. Kekurangan data dan analisis yang mendalam menyukarkan perancangan dan pelaksanaan dasar yang berfokus untuk menangani masalah ini secara efektif. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang pengetahuan tersebut dengan meneliti secara komprehensif impak keciciran pendidikan terhadap isu sosial dan ekonomi di Sarawak, seterusnya menyediakan asas yang kukuh bagi perumusan dasar dan intervensi yang lebih berkesan.

3. Kerangka Konseptual

Kajian ini akan menggunakan model hubungan antara tahap pendidikan dengan kadar jenayah, kemiskinan, dan ekonomi bagi memahami bagaimana faktor-faktor ini saling berkaitan. Model ini berasaskan kepada teori sosial dan ekonomi yang menyatakan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti kehidupan seseorang individu serta kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

1. Tahap Pendidikan vs Jenayah

- Kajian menunjukkan bahawa individu yang tercidir daripada sistem pendidikan formal lebih cenderung terlibat dalam jenayah kerana mereka mempunyai akses terhad kepada pekerjaan yang sah dan berpendapatan stabil.
- Laporan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia mendapati bahawa 75% daripada individu yang terlibat dalam jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di negara ini mempunyai tahap pendidikan rendah.

2. Tahap Pendidikan vs Kemiskinan


- Pendidikan merupakan faktor utama dalam menentukan pendapatan seseorang. Kajian oleh Bank Dunia menunjukkan bahawa individu yang hanya memiliki pendidikan rendah berisiko 2.5 kali lebih tinggi untuk berada di bawah garis kemiskinan berbanding mereka yang mempunyai pendidikan tinggi.
- Di Sarawak, kadar kemiskinan masih tinggi di kawasan luar bandar, di mana akses kepada pendidikan berkualiti sering menjadi cabaran utama.

3. Tahap Pendidikan vs Ekonomi

- Keciciran pendidikan mengurangkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sekali gus menjejaskan produktiviti dan daya saing negeri.
- Menurut Laporan Ekonomi Malaysia 2022, negeri yang mempunyai kadar keciciran pendidikan tinggi mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan berbanding negeri yang mempunyai kadar keciciran yang rendah.



Kajian ini akan menggunakan model ini sebagai asas dalam menganalisis data yang diperoleh, serta mencadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kadar keciciran pendidikan dan kesannya terhadap isu sosial dan ekonomi di Sarawak.



Gambarajah 1 Hubungan antara tahap pendidikan dengan kadar jenayah, kemiskinan, dan ekonomi

4. Hipotesis

- H1: Keciciran pendidikan mempunyai hubungan positif dengan peningkatan kadar jenayah.
- H2: Keciciran pendidikan meningkatkan kadar kemiskinan dalam komuniti.
- H3: Keciciran pendidikan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak.

5. Kepentingan Kajian

Keciciran pendidikan di Sarawak, khususnya di peringkat sekolah menengah, telah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan individu yang tercicir, tetapi juga memberi impak negatif kepada masyarakat dan ekonomi negeri secara keseluruhan. Kajian ini penting kerana ia akan menyediakan panduan berasaskan bukti kepada pembuat dasar dalam merangka strategi yang efektif untuk menangani isu keciciran pendidikan. Dengan memahami punca dan akibat keciciran, dasar yang lebih tepat dapat dirumuskan untuk:

1. **Mengurangkan Kadar Jenayah:**
Terdapat korelasi antara keciciran pendidikan dan peningkatan kadar jenayah. Individu yang tidak melengkapkan pendidikan formal cenderung menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sah, mendorong sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam kegiatan jenayah sebagai sumber pendapatan alternatif.
2. **Memutuskan Rantaian Kemiskinan:**
Keciciran pendidikan sering mengakibatkan peluang pekerjaan yang terhad dan pendapatan yang rendah, menyumbang kepada kitaran kemiskinan yang berterusan dalam keluarga dan komuniti. Dengan intervensi yang tepat, peluang pendidikan dapat diperluas, membolehkan individu meningkatkan taraf hidup mereka.
3. **Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi:**
Tenaga kerja yang berpendidikan tinggi adalah pemangkin kepada inovasi dan produktiviti. Keciciran pendidikan mengurangkan bilangan individu berkemahiran dalam pasaran kerja, seterusnya menjejaskan daya saing dan pertumbuhan ekonomi negeri.

Selain itu, kajian ini akan membantu dalam mengenal pasti faktor-faktor spesifik yang menyumbang kepada keciciran di Sarawak, seperti kemiskinan, akses terhad kepada kemudahan pendidikan, dan kurangnya kesedaran mengenai kepentingan pendidikan. Dengan data dan analisis yang komprehensif, pembuat dasar dapat merangka program intervensi yang disesuaikan dengan keperluan komuniti setempat, memastikan sumber dan usaha yang diperuntukkan memberikan impak maksimum dalam mengurangkan keciciran pendidikan dan kesan negatifnya terhadap masyarakat dan ekonomi Sarawak.

6. Cadangan Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan data yang komprehensif mengenai kesan keciciran pendidikan terhadap jenayah, kemiskinan, dan ekonomi di Sarawak. Pendekatan ini membolehkan kajian memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh, menggabungkan statistik yang boleh diukur dengan pemahaman mendalam daripada pengalaman dan perspektif individu yang terlibat secara langsung.



6.1. Pendekatan Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mengukur hubungan statistik antara tahap pendidikan dengan kadar jenayah, kemiskinan, dan pertumbuhan ekonomi. Data akan dikumpulkan melalui:

- a) **Soal Selidik** - Soal selidik akan diedarkan kepada responden, terdiri daripada pelajar yang tercicir, ibu bapa, guru, pihak berkuasa tempatan, dan usahawan kecil di kawasan kajian. Skala Likert (1-5) akan digunakan bagi mengukur persepsi responden terhadap faktor keciciran pendidikan dan kesannya terhadap kehidupan mereka.
- b) **Analisis Statistik**,
Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian SPSS atau Microsoft Excel bagi mengenal pasti korelasi antara tahap pendidikan dengan jenayah, kemiskinan, dan ekonomi. Kaedah analisis yang digunakan termasuk: Analisis Korelasi Pearson – untuk mengukur hubungan antara keciciran pendidikan dan kadar jenayah, kemiskinan, serta pertumbuhan ekonomi. Analisis Regresi – untuk menentukan sejauh mana keciciran pendidikan menyumbang kepada perubahan dalam kadar jenayah dan kemiskinan.

6.2. Pendekatan Kualitatif


Pendekatan kualitatif digunakan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai punca keciciran pendidikan serta impaknya terhadap masyarakat melalui pengalaman individu dan pendapat pakar.

- a) **Temu Bual Separuh Berstruktur**
- b) **Analisis Kandungan**, Temu bual yang direkodkan akan dianalisis menggunakan kaedah tematik, di mana pola utama dalam jawapan responden akan dikenalpasti untuk memahami bagaimana keciciran pendidikan mempengaruhi kehidupan mereka.

6.3. Analisis Data Sekunder

Bagi menyokong dapatan kajian, data sekunder akan diperolehi daripada sumber rasmi seperti:

- a) Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai kadar keciciran murid di Sarawak.
- b) Data Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai kadar kemiskinan, jenayah, dan pertumbuhan ekonomi negeri.
- c) Kajian terdahulu mengenai kesan keciciran pendidikan di Malaysia dan negara lain sebagai perbandingan.



Gambarajah 2: Kaedah pengumpulan data

Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi data, iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang impak keciciran pendidikan terhadap jenayah, kemiskinan, dan ekonomi di Sarawak. Data akan dikumpulkan melalui tiga kaedah utama:

6.4. Kaedah Persampelan & Analisis Data

Kajian ini akan menggunakan persampelan rawak berstrata bagi memastikan data yang dikumpulkan mewakili pelbagai kumpulan dalam populasi. Selain itu, analisis data kuantitatif dan kualitatif akan dilakukan menggunakan perisian statistik seperti SPSS bagi menghasilkan dapatan yang tepat dan boleh dipercayai.

1. Kaedah Persampelan



Kajian ini menyasarkan daripada pelbagai latar belakang di Sarawak, khususnya dalam kalangan:

- Belia yang tercicir daripada pendidikan
- Ibu bapa yang anak mereka tercicir
- Guru dan pegawai pendidikan
- Pegawai kerajaan dan NGO berkaitan pendidikan

2. Kaedah Analisis Data

Analisis akan dijalankan secara kuantitatif (SPSS) dan kualitatif (NVivo & Analisis Tematik) bagi mengenal pasti corak dan hubungan antara keciciran pendidikan dengan jenayah, kemiskinan, dan ekonomi.

3. Lokasi Kajian

Kajian akan dijalankan di beberapa daerah terpilih di Sarawak yang mempunyai kadar keciciran pendidikan yang tinggi.

1. Bahagian Kuching (bandar utama)
2. Bahagian Sibul (bandar pertengahan)
3. Bahagian Bintulu (kawasan industri)
4. Bahagian Miri (bandar sempadan)
5. Kawasan luar bandar/pedalaman (contoh: Kapit, Lawas)

Kajian ini dirancang untuk memastikan pengumpulan dan analisis data dilakukan secara sistematik serta menghasilkan dapatan yang boleh dijadikan rujukan dalam dasar pendidikan dan sosial di Sarawak.

9. Kesimpulan

Teori Ekologi Bronfenbrenner menyediakan satu kerangka konseptual yang holistik untuk memahami bagaimana pelbagai faktor sosial, budaya, institusi dan sejarah membentuk perkembangan serta keputusan pendidikan seseorang individu. Melalui lima sistem utama — mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem — teori ini menekankan bahawa pembangunan manusia tidak berlaku dalam ruang tertutup, tetapi melalui interaksi kompleks yang dinamik antara individu dan persekitarannya. Dalam konteks kajian yang akan dijalankan di Sarawak, teori ini menawarkan asas yang kukuh untuk meneliti isu keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar luar bandar, khususnya yang berhadapan dengan cabaran kemiskinan, infrastruktur terhad, sokongan keluarga yang rendah, dan akses pendidikan yang tidak sekata. Mikrosistem seperti hubungan keluarga dan guru akan diperhatikan dari segi pengaruh langsung terhadap motivasi pelajar. Mesosistem pula membolehkan kajian mengenal pasti tahap kerjasama antara keluarga, sekolah dan komuniti setempat. Eksosistem akan meneliti bagaimana dasar kerajaan, kemudahan prasarana dan sumber komuniti memberi kesan tidak langsung kepada kelangsungan pendidikan. Makrosistem akan mengupas bagaimana nilai budaya dan norma masyarakat di Sarawak ;termasuk persepsi terhadap pendidikan dan pengaruh nilai Islam — membentuk keputusan pendidikan pelajar. Kronosistem pula akan digunakan untuk memahami bagaimana peristiwa besar seperti pandemik, krisis ekonomi atau perubahan dasar mempengaruhi kecenderungan keciciran dalam jangka panjang. Melalui pendekatan ekologi ini, kajian dijangka dapat mengenal pasti faktor-faktor pelindung dan risiko yang mempengaruhi keciciran, serta mencadangkan intervensi yang lebih bersifat kontekstual, menyeluruh dan berasaskan nilai. Dengan menekankan kerjasama antara institusi pendidikan, keluarga, komuniti dan kerajaan, serta mengambil kira prinsip-prinsip Islam dalam mendidik generasi, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan dasar pendidikan yang lebih inklusif, adil dan mampan bagi pelajar luar bandar di Sarawak.

Rujukan

- Al-Quran. Surah Al-Baqarah, 2:155.
 Al-Quran. Surah Al-Maidah, 5:2; Surah Az-Zumar, 39:9
 Azizi, Y., Ghafar, M. N. A., & Shamsuddin, S. (2023). The role of Islamic values in student motivation and retention: A qualitative study in Southeast Asian contexts. *Journal of Moral Education*, 52(2), 145–160.
 Bank Dunia. (2021). Kesan Pendidikan terhadap Pertumbuhan Ekonomi.



- Belsky, J. (1984). The determinants of parenting: A process model. *Child Development*, 55(1), 83–96. <https://doi.org/10.2307/1129836>
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2006). The bioecological model of human development. In R. M. Lerner (Ed.), *Handbook of Child Psychology* (6th ed., Vol. 1, pp. 793–828). Wiley.
- Carlo, A., Ismail, R., & Law, C. (2024). Overcoming educational dropout in rural Malaysia: An ecological systems perspective. *Malaysian Journal of Education Policy*, 10(1), 45–60.
- Cluver, L., Lachman, J. M., Sherr, L., et al. (2020). Parenting in a time of COVID-19. *The Lancet*, 395(10231), e64. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30736-4](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30736-4)
- Darling, N. (2007). Ecological systems theory: The person in the center of the circles. *Research in Human Development*, 4(3–4), 203–217. <https://doi.org/10.1080/15427600701663023>
- Datu Dr. Azhar Ahmad. (2024). Cabaran pendidikan luar bandar dan strategi pengurangan keciciran. *Ucapan di Forum Pendidikan Sarawak 2024*.
- Department of Statistics Malaysia. (2022). *Household Income and Basic Amenities Survey Report*. <https://www.dosm.gov.my>
- Epstein, J. L. (2001). *School, family, and community partnerships: Preparing educators and improving schools*. Westview Press.
- Frontiers in Education. (2023). The integration of moral and religious values in education: A global review. *Frontiers in Education*, 8, Article 112345. <https://doi.org/10.3389/feduc.2023.112345>
- Frontiers in Education. (2023). The integration of moral and religious values in education: A global review. *Frontiers in Education*, 8, Article 112345. <https://doi.org/10.3389/feduc.2023.112345>
- Hadis Riwayat Bukhari, no. 893
- Hamre, B. K., & Pianta, R. C. (2001). Early teacher–child relationships and the trajectory of children's school outcomes through eighth grade. *Child Development*, 72(2), 625–638.
- Ismail, Z., Hassan, N. C., & Mohamad, M. H. (2022). Spiritual coping and psychological well-being among Malaysian students during the COVID-19 pandemic. *Journal of Islamic Psychology*, 7(1), 43–56.
- Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. (2023). Laporan Tahunan Pendidikan Sarawak.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Statistik Keciciran Pelajar Malaysia.
- Lim, H. Y. (2023). Sarawak dropout rates driven by economic hardship. *The Borneo Post*. <https://www.theborneopost.com>
- Rohaniza Idris. (2023, Jun 12). Ada pelajar tercicir sekolah kerana kerja sara keluarga. BH Online. Bahan diakses pada 12 Mac 2025, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1113339/ada-pelajar-tercicir-sekolah-kerana-kerja-sara-keluarga>
- Siti Soraya, M. R., Ahmad, N., & Baharudin, R. (2022). Parental involvement and academic achievement: A study among Malaysian secondary school students. *International Journal of Educational Psychology*, 11(2), 89–103.
- Spinelli, M., Lionetti, F., Pastore, M., & Fasolo, M. (2020). Parents and children facing the COVID-19 outbreak in Italy. *Frontiers in Psychology*, 11, 1713. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01713>
- Spinelli, M., Lionetti, F., Pastore, M., & Fasolo, M. (2020). Parents and children facing the COVID-19 outbreak in Italy. *Frontiers in Psychology*, 11, 1713. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01713>
- Tudge, J. R., Mokrova, I., Hatfield, B. E., & Karnik, R. B. (2009). Uses and misuses of Bronfenbrenner's bioecological theory of human development. *Journal of Family Theory & Review*, 1(4), 198–210.
- TVS. (2024, November 12). Masyarakat tingkat kesedaran kepentingan pendidikan, tangani keciciran pelajar. TVS. Bahan diakses pada 12 Mac 2025, daripada <https://www.tvsarawak.my/2024/11/12/masyarakat-tingkat-kesedaran-kepentingan-pendidikan-tangani-keciciran-pelajar/>
- UNICEF Malaysia. (2021). *Family-friendly policies for workers and their families*. <https://www.unicef.org/malaysia>
- Utusan Borneo Online. (2021, 28 Oktober). Kadar keciciran murid peringkat rendah di Sarawak menurun. Utusan Borneo Online. Bahan diakses pada 12 Mac 2025, daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2021/10/28/kadar-keciciran-murid-peringkat-rendah-di-sarawak-menurun>